



KENYATAAN TAWARAN SEWAAN

1. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ingin menawarkan **14 lot / premis kedai** untuk disewakan kepada penyewa yang berminat. Maklumat ringkas ruang sewaan adalah seperti berikut:

LOKASI	JENIS	BILANGAN	KELUASAN	KADAR SEWAAN SEMASA (sebulan)
TAMAN NILAM	GERAI MAKAN	6	27-meter persegi	RM250.00
KOMPLEKS LADA	KIOSK / MEDAN SELERA	3	18.48 -meter persegi	RM300.00 – RM400.00
DAMANSARA PERDANA BUSINESS CENTRE	LOT KEDAI	5	Lot 26-1 (159.45 meter persegi) Lot 26-2 (181.16 meter persegi) Lot 26-3 (181.16 meter persegi) Lot 26-3A (181.16 meter persegi) Lot 26-5 (181.16 meter persegi)	RM1,300.00 – RM3,500.00 (mengikut keluasan)

2. Borang permohonan boleh dimuat turun secara dalam talian dengan imbasan QR di bawah. Syarat-syarat terperinci sewaan adalah seperti di lampiran.



3. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Encik Sheikh Abdul Karim** (sheikh@lada.gov.my) di talian 04-9600799 / 017-2774563 (*whatsapp* / pesanan ringkas **SAHAJA**).



4. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran di atas adalah tanggungjawab pemohon.
5. LADA tidak tertakluk untuk menerima mana-mana / sebarang tawaran. LADA juga berhak untuk membatalkan atau menunda tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian mengikut pertimbangan pihak LADA.
6. Setiap permohonan mestilah mengemukakan semua maklumat yang diperlukan (seperti dalam senarai semak dokumen di lampiran).
7. Dokumen berkaitan sewaan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Tingkat 1, Seksyen Pengurusan Aset (SPA), Kompleks LADA atau dihantar melalui perkhidmatan pos ke alamat seperti di bawah:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 8, Kompleks LADA
Peti Surat 60, Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman
U.P: SPA, BSMKP**

GAMBAR-GAMBAR PREMIS

1. GERAI MAKAN TAMAN NILAM



Pemandangan sekitar gerai



Pemandangan dalam gerai

2. KIOSK / MEDAN SELERA KOMPLEKS LADA



Pemandangan luar (sekitar medan selera)

3. LOT KEDAI DAMANSARA PERDANA BUSINESS CENTRE



Pemandangan luar dan dalam premis



LAMPIRAN

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PREMIS PERNIAGAAN
MILIK LADA**

1. Disediakan untuk peniaga-peniaga bumiputera sahaja.
2. Setiap permohonan perlu mengikut senarai menunggu premis perniagaan LADA yang sedia ada.
3. **Dokumen yang perlu disertakan:-**
 - I. Gambar berukuran pasport (pemohon);
 - II. Salinan kad pengenalan (pemohon);
 - III. Salinan pendaftaran perniagaan;
 - IV. Salinan penyata kewangan (nama syarikat) dan
 - V. Kertas kerja jenis perniagaan yang dicadangkan.
4. Pemilihan penyewa adalah berdasarkan persetujuan keputusan dalam mesyuarat yang dilaksanakan oleh LADA. Setiap keputusan adalah muktamad